

**UPACARA PENUTUP PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS  
PERINGKAT KEBANGSAAN PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA  
TAMAN TASIK TITIWANGSA, KUALA LUMPUR, 15 OGOS 1987**

Yang Mulia Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku Besar Burhanuddin, Pengerusi Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia; Tuan Haji Noordin bin Haji Abdul Razak, Pengerusi Pertandingan Pertolongan Cemas Peringkat Kebangsaan; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan; Para peserta pertandingan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia kerana memberi kesempatan kepada saya merasmikan upacara penutup Pertandingan Pertolongan Cemas Peringkat Kebangsaan, Persatuan ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Persatuan Bulan Sabit Merah kerana telah berjaya menganjurkan pertandingan ini buat kali yang ke sepuluhnya.

2. Selama dua hari berturut-turut ahli-ahli Persatuan Bulan Sabit Merah dari seluruh negara berada di Kuala Lumpur untuk bertanding, menunjukkan kecekapan dan keistimewaan masing-masing di dalam bidang pertolongan cemas. Sudah menjadi kebiasaan dalam setiap pertandingan iaitu akan ada yang menang dan akan ada yang kalah. Kepada yang berjaya saya ucapkan tahniah dan berharap mereka akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi mereka. Kepada yang lain pula saya berharap mereka akan lebih berusaha di masa-masa akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Sebagai sebuah pertubuhan sukarela yang dinamis, sumbangan Persatuan Bulan Sabit Merah kepada masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Kegiatan-kegiatan Persatuan ini seperti:- - pertolongan kepada mangsa-mangsa banjir, kebakaran dan tanah runtuh, - pertolongan cemas perubatan, - kegiatan menderma darah dan, - perkhidmatan ambulans kecemasan 24 jam, sememangnya telah diketahui umum. Usaha-usaha seumpama ini telah menjadikan Persatuan Bulan Sabit Merah salah sebuah pertubuhan sukarela yang cergas dan disanjung.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Sepertimana yang kita sedia maklum belia-belie kita juga memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Oleh itu adalah wajar mereka diperlengkapkan dengan berbagai-bagai latihan dan kemahiran yang bermanfaat bagi membolehkan mereka berbakti kepada masyarakat dan negara. Saya percaya penglibatan belia dalam Persatuan Bulan Sabit Merah ini adalah kena pada tempatnya dalam menguatkan disiplin diri di samping memperlengkapkan diri dengan segala kemahiran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

5. Kini satu lagi masalah sosial iaitu penyalah-gunaan dadah kian mengancam kehidupan seharian kita bahkan ianya juga merupakan masalah yang dihadapi di merata dunia. Bahaya ancaman dadah bukan sahaja menjadi masalah kepada

Malaysia tetapi juga kepada seluruh dunia. Kalau dahulu langkah kita mengambil tindakan keras dan tegas terhadap pengedar-pengedar dadah menerima kritikan, tetapi hari ini, alhamdulillah, kita telah dapat menyedarkan masyarakat antarabangsa akan betapa perlunya tindakan sedemikian. Mereka juga semakin bersependapat dengan kita bahawa tindakan dan hukuman yang kita kenakan kepada pengedar-pengedar dadah bukanlah suatu tindakan yang kejam tetapi sebaliknya adalah wajar dan ianya adalah semata-mata untuk memastikan supaya masyarakat diselamatkan daripada bahaya dadah.

6. Semenjak Kerajaan melancarkan kempen anti dadah pada tahun 1983, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia telah tampil ke hadapan untuk bersama-sama dalam program membanteras penyalah-gunaan dadah. Penglibatan Persatuan ini dengan menubuhkan pasukan petugas khususnya untuk membantu Kerajaan dan PEMADAM adalah dihargai. Saya berharap semua pihak sama ada pertubuhan - pertubuhan sukarela, ibu bapa, guru-guru, Jabatan Kerajaan dan swasta akan meningkatkan sumbangan dan usaha masing-masing untuk membanteras masalah penyalah-gunaan dadah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Persatuan Bulan Sabit Merah kerana khidmat mereka kepada masyarakat. Saya berharap khidmat bakti Persatuan ini dapat ditingkatkan lagi demi kebaikan kita bersama. Dengan ini, saya dengan sukacitanya menutup Acara Pertandingan Pertolongan Cemas Peringkat Kebangsaan, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dengan rasminya.